

Talking Points Pengarah

PERHIMPUNAN PAGI JABATAN KESIHATAN NEGERI MELAKA BIL.6 /2016

15 JUN 2016

SEMPENA SAMBUTAN BULAN RAMADHAN AL- MUBARAQ

Timbalan-timbalan Pengarah Kesihatan Negeri

Pengarah-Pengarah Hospital

Pegawai-Pegawai Kesihatan Daerah

Ketua-ketua Jabatan

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian

Salam Sejahtera

Salam 1 Malaysia, Salam Melaka Maju, Negeriku Sayang

Negeri Bandar Teknologi Hijau

Melaka 754 Tahun

Salam Melaka Maju Fasa Kedua

Terlebih dahulu, saya memanjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya, kita berpeluang untuk bersama-sama berkumpul bagi Perhimpunan Pagi Bil. 6/2016 pada hari ini dengan tema "**Keselamatan Makanan di Bulan Ramadhan**" bersempena **Sambutan Bulan Ramadhan dan** didedekasikan kepada semua warga Jabatan Kesihatan Negeri Melaka. Hadirin – hadirat yang saya hormati sekalian, Seluruh umat islam menerima kehadiran Ramadhan Al Mubaraq pada 6 Jun 2016 yang lepas. Rasanya masih belum terlambat lagi untuk saya mengucapkan Selamat Berpuasa kepada semua muslimin dan muslimat khususnya warga Jabatan Kesihatan Negeri Melaka dengan harapan semoga amal ibadah kita diterima serta kita diberi kesihatan tubuh badan yang baik untuk merebut ganjaran di bulan yang mulia ini

1. Penghayatan Bulan Ramadhan Al Mubaraq

KEWAJIPAN BERPUASA

Firman Allah (**Ayat Al-Baqarah ayat 183 dan 185**)

"Wahai orang-orang beriman!! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana yang diwajibkan ke atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertakwa".

Bagi orang-orang Islam yang beriman, bulan Ramadhan adalah bulan yang dinanti-nantikan ketibaannya oleh setiap ummat Islam, memandangkan ia bulan yang mulia dan memberi begitu banyak manfaat dan keistimewaan, faedah, fadhilat dan masa depan yang cerah bagi mereka yang tahu dan menghayatinya.

Kedatangan Ramadhan bulan seribu rahmat setiap tahun amat di tunggu-tunggu, kerana di bulan ini, Allah SWT mengurniakan pelbagai rahmatnya seperti sabda Rasulullah S.A. "Apabila tiba Ramadhan, telah dibuka pintu-pintu syurga, telah ditutup pintu-pintu neraka dan dibelenggu syaitan-syaitan", hadis riwayat Al-Bukhari : 3277, Muslim : 1079. Marilah kita sama-sama merebut peluang dengan kemunculan bulan Ramadhan yang barakah untuk meringankan tangan memberi sumbangan dan memperbanyakkan amal jariah. Sesungguhnya "Roh Ramadhan" mengajar kita untuk bersama-sama menyempurnakan keimanan dan meningkatkan ketaqwaan. Antara ikhtibar syiar dalam Roh Ramadhan adalah:

- i. Renunglah bahawa rasa lapar, haus dan dahaga itu adalah gambaran kesusahan masyarakat yang miskin, terpinggir dan ditimpa bencana.
- ii. Menggalakkan amalan bersedekah kepada orang yang memerlukan, fakir miskin dan menyayangi anak-anak yatim.
- iii. Menganjurkan majlis berbuka puasa kepada umum.
- iv. Memperbanyakkan solat berjemaah, amalan-amalan sunat, berzikir, dan selawat ke atas nabi SAW.
- v. Mengambil diet pemakanan yang berkhasiat dan halal serta tidak membazir.
- vi. Meningkatkan disiplin diri, sifat penyabar, penyayang dan kekeluargaan

Tuan/tuan dan puan-puan sekalian,

ANTARA FADHILAT DAN KELEBIHAN BERPUASA DI BULAN RAMADHAN.

1. Pintu langit dibuka
2. Pintu-pintu syurga di buka

FADHILAT YANG LAIN

1. Mereka yang berpuasa akan mendapat balasan syurga

2. Orang yang berpuasa dimakbulkan permintaanya oleh Allah SWT
3. Orang yang berpuasa mendapat 2 kegembiraan iaitu semasa berbuka dan apabila bertemu dengan Allah pada hari kiamat kelak
4. Orang yang berpuasa mendapat peliharaan Allah Swt
5. Orang yang berpuasa dengan sempurna dijanjikan mahligai yang indah di syurga
6. Setiap kali sujud orang yang berpuasa, dikurniakan 1700 kebajikan, dibinakan mahligai di syurga dan 70,000 malaikat memohon keampunan baginya dari pagi hingga petang.

Justeru itu, marilah kita sama-sama merebut seberapa banyak kebaikan yang dijanjikan Allah dengan menunaikan perkara-perkara yang disuruh serta meninggalkan perkara yang ditegah. Moga Bulan yang mulia ini dapat kita manfaatkan sepenuhnya dalam mendapatkan keredhaan Allah swt.

2. Keselamatan Makanan

Bersempena dengan Ramadhan ini, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Jabatan Kesihatan Negeri Melaka giat mempromosikan kempen keselamatan makanan bagi menarik orang ramai sama-sama peka serta prihatin cara-cara untuk mengelakkan kejadian keracunan makanan terutama semasa pemilihan makanan di pasar-pasar ramadhan khususnya.

Bagi tujuan mempersiapkan pengendali pasar-pasar Ramadhan ke arah menyediakan makanan yang selamat, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan telah mengadakan sesi taklimat penyediaan makanan yang selamat dan bersih kepada pengendali pasar-pasar Ramadhan di seluruh negeri Melaka semasa sesi penyerahan lesen pasar ramadhan oleh setiap PBT. Ini bertujuan untuk memberi penekanan awal dari aspek kebersihan dan keselamatan makanan semasa sesi jualbeli di pasar Ramadhan.

Selain itu, Operasi pemeriksaan pasar ramadhan dijalankan oleh Unit Keselamatan dan Kualiti Makanan di setiap daerah bagi memastikan makanan yang disediakan dan dijual di Pasar Ramadhan Negeri Melaka adalah selamat dan mematuhi kehendak Akta Makanan 1983, Peraturan-peraturan Kebersihan Makanan 2009. Melalui Operasi Ramadhan ini beberapa aktiviti diadakan meliputi sebelum, semasa dan selepas Ramadhan. Aktiviti sebelum termasuk pemeriksaan di lapangan meliputi premis pembekal bahan mentah, premis penyediaan makanan dan premis pembekal ais. Aktiviti semasa pula adalah pemeriksaan ulangan ke atas premis pembekal bahan mentah, premis penyediaan makanan dan premis pembekal ais dan aktiviti selepas adalah penyediaan laporan keseluruhan dan mesyuarat post mortem operasi.

Pemeriksaan premis yang dilakukan adalah merangkumi aspek kebersihan diri pengendali makanan, suntikan dan kursus pengendali makanan, penyimpanan makanan dan kebersihan sekitar tempat persediaan makanan. Pemeriksaan ulangan akan dilakukan oleh Unit Keselamatan dan Kualiti Makanan terhadap tapak yang mempunyai markah penilaian yang kurang memuaskan. Aktiviti pendidikan kesihatan juga akan diberikan kepada pengendali makanan semasa pemeriksaan premis dijalankan. Sekiranya terdapat aduan berkaitan keselamatan makanan, aktiviti persampelan makanan akan dilakukan dan sekiranya terdapat pelanggaran di bawah Akta Makanan 1983 dan Peraturan- Peraturan Makanan 1985 tindakan mahkamah akan diambil terhadap pengusaha makanan tersebut. BKKM bersama UKKM Daerah turut terlibat dalam aktiviti *Walkabout* Kuasa Pengguna Dan *Smart Enforcement* Ke Pasar-Pasar Ramadhan Siri I Hingga Siri IV Tahun 2016M/1437H Bersama YB Exco Perpaduan Dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Melaka.

Konsep perhati dan pilih ditekankan dalam aspek pemilihan makanan yang melibatkan deria lihat, hidu dan rasa semasa memilih juadah. Konsep ini perlu dipraktikkan bagi mengurangkan kejadian keracunan makanan. Sepertimana tuan/puan sedia maklum, makanan yang disediakan di bazar-bazar Ramadhan biasanya disediakan awal. Jesteru itu, sebagai pengguna yang bijak kita perlu memastikan makanan yang kita beli atau makan adalah selamat dengan memastikan perkara-perkara berikut:

1. Penjual atau pengendali makanan yang mengamalkan kebersihan diri
2. Pengendalian makanan yang betul dan selamat (menggunakan penyepit untuk mengambil makanan)
3. Pesekitaran yang bersih (tidak di kawasan longgokan sampah, tepi longkang)
4. Makanan bertutup

Selain itu juga, promosi di radio Melaka FM berkenaan Perhati dan Pilih : Elak Keracunan Makanan pemasangan billboard, berkaitan Panduan Memilih Makanan Yang Bersih dan Selamat Hindari Keracunan Makanan di hadapan Stadium Hang Jebat, Stadium Jasin, Padang Majlis Perbandaran Alor Gajah, Taman Semabok Perdana dan di bulatan MITC berhampiran Petronas dan edaran risalah berkenaan tips pemilihan juadah di pasar Ramadhan turut dibuat bagi meningkatkan kesedaran dalam pemilihan makanan.

Adalah diharapkan aktiviti-aktiviti yang dijalankan dapat mengurangkan kejadian keracunan makanan di pasar Ramadhan, mengurangkan aduan berkaitan keselamatan makanan dan meningkatkan kesedaran pengguna tentang kepentingan keselamatan makanan.

PENUTUP

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan diri saya sendiri dan tuan-puan sekalian, khususnya mengenai ibadah puasa. Berpuasa pada hakikat yang sebenarnya, bukan berarti menahan diri daripada berusaha mencari penghidupan, sebaliknya menjadikan kita lebih gigih berusaha seperti mana semangat tentera Islam yang menyertai perang Badar. Bekerja seharian dalam mencari penghidupan juga adalah sebahagian dari ibadat, jika dilakukan dengan penuh integriti dan ikhlas demi keredaan Allah dan kesejahteraan ummah. Semoga hidup kita sentiasa mendapat keberkatan dariNya.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullah Hiwabarakatuh